5 JANJI ALLAH

JIKA BERBAKTI KEPADA IBU BAPA

www.waqaftelaga.com

www.serantaumuslim.org.my

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

SEGALA puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat serta salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW keluarga serta para sahabat dan pengikut yang istiqamah menuruti baginda hingga ke hari kiamat.

Alhamdulillah, terhasil juga sebuah e-book yang terkandung ilmu berkaitan buat baik kepada ibu bapa. Ia diambil daripada janji-janji Allah yang dirakam di dalam Al-Quran. Namun, mungkin ada yang terlepas pandang mengenainya.

Jadi, E-book yang dinamakan 5 JANJI ALLAH JIKA BERBAKTI KEPADA IBU BAPA yang menggunakan singkatan B.A.K.T.I ini khas buat anda, para pembaca sekalian untuk ingat kembali apa yang diperintah ALLAH SWT terhadap ibu bapa demi mendapat hidup yang berkat dan lancar dari segala masalah.

Sebenarnya, e-book ini adalah khas buat anda yang sentiasa menyokong usaha yang dijalankan Serantau Muslim sejak dahulu sehingga hari ini. Terima kasih diucapkan kepada semua pembaca.

Jujurnya, masih banyak lagi orang yang lebih layak untuk berkongsi ilmu berkaitan kebaikan ini seperti para asatizah di luar sana, akan tetapi, atas sebab untuk terus mengajak semua ke arah kebaikan, Serantau Muslim sedikit sebanyak ingin berkongsi kepada semua pembaca.

Oleh sebab itu juga, e-book ini memang sengaja ditulis dalam bahasa yang mudah agar para pembaca sekalian dapat memahami isi yang termuat dalam e-book ini.

Sekali lagi, baca dan cuba amalkan amalan yang baik dan terima kasih kerana memuat turun e-book ini. Semoga Allah memberkati kita semua.

Terima kasih.

BAB 1

BERKAT DALAM HIDUP

PEMBACA yang dirahmati ALLAH sekalian, hidup kita bukan hanya untuk semata-mata hidup mencari harta benda, mengejar pangkat, memenuhi kehendak semata-mata, malah tujuan kita hidup yang utama ialah adalah untuk mendapat keberkatan dari Allah SWT melalui hubungan baik dengan Yang Maha Esa dan hubungan sesama manusia.

Hubungan dengan manusia ialah teruskan berbuat baik dengan orang yang terdekat dengan kita terutama dengan ibu bapa. Umum faham, ibu bapa kita merupakan orang yang sangat penting bagi kita kerana telah membesarkan kita sejak kecil sebelum kita masuk ke alam persekolahan lagi. Justeru, mendapat keberkatan dari kedua orang tua kita amat diperlukan bagi mendapatkan keberkatan dalam kehidupan seseorang.

PERINTAH ALLAH SWT BUAT BAIK KEPADA IBU BAPA

Perlu kita ingat bahawa ALLAH SWT memerintahkan hamba-Nya agar berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan mentaati mereka selagi mana perkara yang diperintahkan tidak bercanggah dengan syarak. Bukan suka-suka kita perlu taat kepada mereka tetapi ia adalah perintah ALLAH SWT.

Hal ini kerana ibu bapa kita telah mencurahkan banyak jasa bakti yang amat besar kepada anak-anak sehingga mereka berkorban nyawa, tenaga dan harta untuk membesar anak-anak.

Kita perlu faham bahawa kedudukan ibu bapa disisi ALLAH amatlah tinggi sehinggakan ALLAH meletakkan perintah berbuat baik kepada ibu bapa selepas atau bersebelahan dengan perintah tidak menyembah selain daripada ALLAH dan mensyirikkan-Nya dengan sesuatu apa pun.

Perintah yang dimaksudkan sebagaimana firman-Nya:

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan)."

(Surah Luqman, ayat 14)

Malah, berbuat baik kepada ibu bapa merupakan antara amalan yang paling dicintai oleh ALLAH SWT sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud RA yang mana beliau berkata: "Aku bertanya kepada Rasulullah SAW apakah amalan yang paling dicintai oleh ALLAH SWT? Lalu baginda menjawab: "Mengerjakan solat pada waktunya". Aku bertanya lagi, kemudian apa? Baginda menjawab: "Berbuat baik kepada ibu bapa." Aku bertanya lagi, kemudian apa? Baginda menjawab: "Jihad di jalan ALLAH."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

DIPANJANGKAN UMUR

Para pembaca sekalian, umur adalah amanah besar yang mesti dipelihara. Ia harus dimanfaatkan dengan pelbagai kebaikan dan amalan soleh. Panjang atau pendek usia itu bukan ukurannya. Apa yang lebih penting adalah kualiti amalan yang dilakukan sepanjang hidupnya.

Baginda bersabda yang bermaksud: “Sesiapa yang ingin dipanjangkan umurnya dan ditambahkan rezekinya, maka hendaklah ia berbuat baik kepada kedua-dua orang tuanya dan mengeratkan silaturahim.”

(Hadis Riwayat Ahmad).

Ketika ditanya tentang siapa orang yang paling baik, Rasulullah SAW menjawab: “Iaitu orang yang panjang umurnya dan baik amalannya. Sedangkan orang paling buruk adalah mereka yang panjang umurnya tetapi buruk amalannya.”

(Hadis Riwayat Ahmad)

Setiap Muslim juga perlu sedar kematian akan datang tanpa diduga. Sudah menjadi fitrah manusia mencintai harta dan kesenangan dunia dan juga menyukai umur yang panjang, bahkan semakin usia bertambah, keinginan terhadap hal itu semakin bertambah.

Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Ketika anak Adam semakin tua, dua perkara semakin besar juga bersamanya: cinta harta dan panjang umur."

(Hadis Riwayat al-Bukhari).

Orang yang banyak kebaikannya, setiap kali usianya bertambah, pahalanya juga bertambah. Darjatnya di sisi Allah SWT juga semakin tinggi. Sebaliknya, seburuk-buruk manusia adalah orang yang panjang umurnya dan buruk amalannya.

Sesiapa yang menghabiskan masa hidupnya untuk kebaikan, dia akan menjadi manusia yang beruntung dan berjaya.

Dalam pada itu, Syeikh Abdul Rauf al-Munawit menjelaskan: "Oleh sebab keadaan seseorang itu bertambah dan meningkat dari satu kedudukan kepada kedudukan lain hingga dia berasa betapa dekatnya dia kepada Allah."

Orang beriman akan berusaha mencari bekalan akhirat dan menambahkan amalannya. Antara amal soleh paling berkesan untuk memanfaatkan masa seperti disarankan Baginda SAW ialah memberi sedekah, menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, berbakti kepada ibu bapa dan mengeratkan silaturahim sesama keluarga dan ukhuwah sesama insan.

Untuk itu, perlu kita faham bahawa buat baik kepada ibu bapa bukan hanya perintah ALLAH yang perlu kita ikuti malah ia adalah bonus buat kita jika kita terpilih dipanjangkan oleh ALLAH dan berada dalam keberkatan dengan dapat melakukan kebaikan sepanjang tempoh umur yang diberikan. Justeru, tidak rugi kita berbuat baik kepada ibu bapa sama ada mereka masih hidup atau telah tiada. Segala amalan baik, akan dibalas dengan kebaikan.

BAB 2

ALLAH PERMUDAHKAN URUSAN

PERNAH tak dengar jika kita mudahkan urusan orang lain, ALLAH akan mudahkan urusan kita? Jika ya, Alhamdulillah. Betul, ia adalah salah satu Hadis riwayat Muslim yang berbunyi: "Sesiapa yang menjadikan urusan orang lain mudah, pasti ALLAH akan memudahkan urusannya di dunia dan di akhirat".

Siapa tidak mahu urusan kita dipermudahkan oleh ALLAH SWT kan? Jadi, semestinya kita perlu memudahkan urusan orang lain tidak kira apa sahaja kesulitan yang dihadapi yang dihadapi orang sekeliling kita. Kita bantu apa yang kita mampu, selebihnya kita terus berdoa agar beban mereka dileraikan. Insha-ALLAH.

Dalam soal memudahkan urusan ibu bapa pula, kita harus membantu mereka bila-bila masa jika mereka perlukan pertolongan. Jangan sesekali kita abaikan mereka kerana sejak kecil merekalah membantu kita yang serba kekurangan. Berkat sabar dan usaha mereka, kita hidup seperti sekarang selain rezeki yang telah tetapkan untuk setiap anak adam.

Ibu bapalah insan yang banyak berkorban demi membesarkan kita. Mereka perlu terjaga dari lena walaupun dibuai mimpi indah demi membancuh sebotol susu di malam hari, terjaga dek kerana anak merengek atau tidak selesa untuk tidur, kekadang terpaksa berjaga malam bila anak jatuh sakit, juga ada ibu bapa terpaksa berhutang demi membeli susu, lampin pakai buang anak-anak dan sebagainya.

Justeru, Islam sangat menggalakkan anak-anak tidak berkira tidak kira apa jua, sama ada khidmat, kudrat dan wang ringgit untuk diberikan kepada ibu bapa yang banyak berjasa kepada anak-anak demi membesarkan anak-anak.

DIMURAHKAN REZEKI

Pembaca yang dirahmati ALLAH SWT semua, bukan hanya niat kita berbuat baik kepada ibu bapa untuk dipermudahkan segala urusan kita malah lebih daripada itu.

Dalam kita mentaati mereka, kita mungkin tidak perasan bahawa ibu bapa juga adalah sumber untuk memperoleh rezeki yang melimpah ruah kerana bila mana kita melakukan suruhan ALLAH Insha-ALLAH akan dapat balasan baik di dunia dan juga di akhirat.

Jadi rebutlah peluang yang ada di depan mata, jangan kita cari masalah dan menjauhi ibu bapa kita mungkin atas asbab perselisihan faham dan sebagainya. Tanganilah secara berhemah dan berlapang dada.

Kita juga perlu faham bahawa segala kita ada adalah milik ALLAH SWT. ALLAH berhak memberi dan menarik rezeki yang dianugerahkan kepada kita. Mungkin kita tidak dapat melihat rezeki yang diperoleh secara fizikal semata-mata misalnya mempunyai wang berkepuk-kepuk, tetapi jika kita jarang berjumpa doktor dan mengambil ubat di farmasi-farmasi pun, ia adalah rezeki buat kita.

Mungkin kita tidak perasan yang doa ibu bapa asbab kita jauh dari segala penyakit dan membelanjakan duit untuk membayar kos perubatan yang mungkin menghadkan perbelanjaan kita. Namun, bagi mereka yang telah kehilangan kedua orang tua tersayang, tertanya-tanya macam mana nak dapat doa daripada ibu bapa? Jangan risau, insha-Allah segala kebaikan yang dilakukan akan dilipakaligandaan oleh ALLAH SWT. Formulanya adalah yakin dan sabar.

AMALAN UNTUK IBU BAPA YANG TELAH TIADA

Dalam pada itu juga, bagi sesiapa yang sudah kehilangan kedua ibu bapanya, ia sama sekali tidak menghalang seseorang itu berbakti dan berbuat baik kepada orang tuanya. Antaranya sentiasa mendoakan pengampunan dan kesejahteraan mereka di alam barzakh.

Amalan itu disebut jelas di dalam hadis baginda SAW: “Tiga amalan seseorang yang tidak akan terputus meskipun sudah meninggal dunia iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan doa anak yang soleh.”

(Riwayat Muslim)

Yakinlah bahawa segala amalan baik akan dibalas baik oleh ALLAH SWT. Mungkin bila kita tiada di dunia nanti, amalan baik yang sama akan dikirimkan kepada kita melalui anak-anak kita yang soleh solehah. Dengan izin-Nya ia akan bertali

arus dengan baik jika mulakan dengan amalan baik. Jadi, tidak perlu kita lokek mendoakan dan membelanjakan sebahagian harta untuk arwah ibu bapa kita.

Selain itu, anak-anak juga disarankan agar sedekahkan pahala amalan-amalan soleh kepada arwah ibu bapa kita seperti bacaan al-Quran, sedekah, wakaf, umrah dan sebagainya.

Ia berdasarkan pendapat majoriti dalam kalangan ulama termasuk sebahagian ulama Mazhab Syafie yang berpendapat bahawa sampai pahala bacaan al-Quran dan seumpamanya kepada si mati.

Namun, ada beberapa perkara yang kurang diambil cakna oleh masyarakat tentang cara berbuat baik kepada ibu bapa yang sudah tiada iaitu menunaikan wasiat dan hajat mereka yang belum tercapai, menyambung silaturahim saudara-mara ibu bapa dan berbuat baik dengan orang ada hubungan baik dan rapat kepada kedua ibu bapa.

Mengapa perlu anak-anak menjalinkan hubungan silaturahim dan ukhuwah seperti itu? Antaranya kerana amalan mulia tersebut menjaga nama ibu bapa agar sentiasa baik dan diingati oleh sanak-saudara dan sahabat-handai arwah ibu bapa atas kebaikan yang ditunjukkan oleh anak-anak mereka.

Antara hadis yang menyebut berkenaan menyambung silaturrahim, sepertimana sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ

Maksudnya: "Barangsiapa yang ingin diluaskan rezekinya serta dipanjangkan usianya, maka hendaklah dia menyambung pertalian silaturrahim."

[Riwayat al-Bukhari (5986) dan Muslim (2557)]

Imam Nawawi dalam menjelaskan hadis ini berkata: Yang dimaksudkan dengan 'أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ' adalah diluaskan dan dijadikan banyak hartanya. Menurut pendapat yang lain, maksudnya diberi keberkatan harta.

(Lihat Syarh al-Nawawi 'ala Sahih Muslim, 16/114)

Secara tidak langsung, ia juga akan menyebabkan mereka mengingati kedua-duanya yang telah pergi dan mendoakan pengampunan dan kesejahteraan untuk mereka di alam barzakh. Justeru, berbaktilah kepada ibu bapa kerana ganjarannya tidak ternilai.

BAB 3

KEREDHAAN ALLAH

PEMBACA yang dikasihi ALLAH SWT sekalian, berbakti kepada ALLAH SWT bukan hanya akan diberkati ALLAH SWT dan dipermudahkan segala urusan hidup di dunia dan akhirat malah mudah untuk kita mendapat redha ALLAH SWT.

Seperti yang kita maklum, ibu bapa merupakan individu yang dijadikan oleh ALLAH SWT sebagai penyebab kewujudan setiap manusia di dunia ini. Mereka telah menabur banyak kebaikan dan bakti yang tidak terhitung kepada anak-anak termasuk mendidik dan membesarkan kita hingga dewasa.

TAAT, BUAT BAIK KEPADA IBU BAPA

Dalam mendapatkan keredhaan ALLAH, kita juga harus taat, buat baik kepada kedua ibu bapa.

Bab-bab sebelumnya telah menyatakan ibu bapa sanggup bersusah payah dan mengorbankan diri sendiri demi kebaikan anak-anak. Oleh sebab itu, ALLAH SWT memerintahkan kepada setiap hamba-NYA agar wajib berbuat baik terhadap kedua ibu bapa.

Firman ALLAH SWT: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-NYA semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu. Maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

(Surah al-Isra’, ayat 23)

Selain itu, ALLAH melarang keras terhadap sikap penderhakaan ke atas kedua-duanya dan menyakiti hati mereka. Malah, wajib si anak melayan ibu bapanya dengan layanan yang baik.

Oleh itu, restu dan reda ibu bapa dalam kehidupan seseorang itu sangat penting kerana ia sebagai punca untuk mendapatkan keredaan ALLAH SWT.

Sabda Rasulullah SAW: “Reda ALLAH bergantung kepada reda ibu bapa, manakala kemurkaan ALLAH bergantung kepada kemurkaan ibu bapa.”

(Riwayat at-Tirmidzi)

Jadi, taat dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa selagi mana mereka tidak memerintahkan kita agar melakukan perkara yang bertentangan dengan syariat.

Jelaslah sepertimana dalam hadis tersebut, baginda SAW menyatakan, jika ibu bapa atau salah seorang daripada mereka murka terhadap anaknya, itu bermakna ALLAH juga murka terhadap anak itu. Selain daripada melayani ibu bapa dengan baik, seseorang itu wajib juga mentaati perintah kedua-duanya. Hal itu sebagaimana yang ditegaskan oleh Rasulullah SAW melalui pesanan baginda kepada Abu al-Darda' RA.

Sabda baginda SAW: "Dan taatilah kedua ibu bapamu, meskipun mereka memerintahkan kamu agar keluar dari duniamu, maka keluarlah demi mereka berdua."

(Riwayat Ibnu Majah)

Bayangkan, baginda SAW memerintahkan agar taat kepada ibu bapa meskipun hanya berkaitan dengan duniawi seorang anak, apatah lagi perkara yang berkait rapat dengan hak-hak kedua ibu bapa. Berdasarkan hadis di atas, Imam al-Bukhari menyebut dalam karyanya al-Adab al-Mufrad bahawa setiap anak wajib berbuat baik dan mentaati kedua ibu bapanya selagi mana ia tidak melibatkan perkara maksiat atau melanggar perintah ALLAH.

Ini bermakna, jika ibu bapa memerintahkan anaknya agar melakukan maksiat atau meninggalkan perintah ALLAH, maka wajib si anak mengingkari perintah itu. Contohnya ibu bapa melarang anak daripada menunaikan ibadah haji atau mendirikan solat.

Menurut Imam al-Ghazali, kebanyakan ulama berpendapat, wajib si anak mentaati kepada ibu bapanya walaupun dalam perkara syubhah, apatah lagi perkara-perkara yang harus. Ini bermakna, hukum asal sesuatu itu harus (tidak wajib) menurut syarak boleh bertukar menjadi wajib jika itu yang diperintahkan oleh ibu bapa. Contohnya, membeli makanan untuk ibu bapa hukumnya harus, tetapi apabila diperintahkan oleh kedua-duanya atau salah seorang daripada mereka, maka ia menjadi kewajipan kepada si anak selagi mana dia mampu untuk melakukannya.

KISAH ANAK YANG KEMBALI TAAT

Berita muka hadapan, Harian Metro, Jumaat, 16 Mac 2012 yang bertajuk “Amir ditawarkan kerja, kereta, rumah, Rezeki dua beranak”.

Sebelum ini berita mengemparkan pada hari Jumaat 9 Mac 2012 dalam Harian Metro melapurkan bahawa seorang pemuda telah meninggalkah ibunya yang lumpuh, Faridah Maulud disebuah bajet hotel dalam keadaan menyedihkan selama 4 hari tidak terurus makan, minum dan keperluan asasnya.

Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT dengan taufik dan hidayah-Nya, Allah SWT telah menyedarkan anaknya Amir

Mohd Omar berumur 27 tahun dan masih bujang, supaya kembali menemui ibunya, meminta ampun dan maaf diatas kesalahannya yang lalu dan beliau berjanji akan menjaga ibunya dan menguruskan keperluannya yang berada di dalam keadaan yang dhaif dan lumpuh.

Amir berkata kepada wartawan yang menemu-bual beliau, “Saya akan mulakan hidup baru dengan emak di sini dan berharap dengan kerja baru ini, saya dapat membalas jasanya”.

Amir berkata demikian selepas menerima pekerjaan ditawarkan seorang usahawan besi keluli, Datuk Jamhuri Abdul Rahman, 43 tahun, di Kuala Selangor, selain turut disediakan kereta dan sebuah rumah yang sudah dibayar sewa setahun untuk dia tinggal bersama ibunya.

Amir juga menceritakan bertindak meninggalkan ibunya adalah kerana hilang pertimbangan dan buntu berikutan masalah kesihatan yang dialaminya, selain tertekan dengan masalah kewangan berikutan pendapatannya sebagai pegawai pemasaran yang tidak seberapa.

Dalam kes Amir, mungkin sebahagian sahaja berlaku dalam masyarakat kita, disebabkan hidup yang tertekan seseorang sanggup melakukan perkara yang tidak sepatutnya berlaku keatas seorang ibu yang uzur dan dhaif. Namun, atas sokongan luar dan ALLAH SWT masih menerbitkan rasa sayang terhadap ibunya, dia kembali taat kepada ibunya dan akhirnya di diberikan kesenangan hidup selepas mendapat redha oleh ibunya. Alhamdulillah.

Dalam hidup yang penuh onak duri ini, mungkin ada dalam kalangan anak-anak yang terlepas pandang dalam mentaati ibu bapa, ingatlah bahawa ALLAH telah berfirman.

Firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan Kami wasiatkan kepada manusia terhadap ibu bapanya. Ibunya mengandungkan dengan (menderita) kelemahan di atas kelemahan dan menceraikannya daripada susuan dalam dua tahun (iaitu): Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada ibu bapamu. Kepada-Ku tempat kembali.”

(Surah al-Lukman ayat 14).

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan Imam Muslim daripada Abu Hurairah r.a: Bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Amat malanglah! Amat malanglah! Dan amat malanglah. Maka Rasulullah ditanya: Siapakah orang yang amat malang itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Seseorang yang mendapati kedua-dua ibu bapanya atau seorang daripada mereka sudah tua, namun dia masih gagal memasuki syurga (lantaran gagal berkhidmat kepada mereka).”

Pada zaman Rasulullah SAW ada seorang lelaki yang datang berjumpa baginda kemudian menyampaikan hasratnya menyertai jihad.

Baginda bertanya bukan seperti: “Adakah kamu handal dalam menunggang kuda?”, “Adakah kamu bijak bermain pedang”, “Adakah kamu mempunyai tubuh badan yang kuat dan sihat?”

Sebaliknya baginda bertanya kepada lelaki berkenaan “Adakah kamu masih mempunyai ibu dan bapa?” Kemudian lelaki itu menjawab: “Saya sudah tiada bapa, tetapi masih mempunyai ibu di rumah.”

Baginda berkata “Adakah ibumu tidak memerlukanmu untuk menjaganya? Lelaki berkenaan menjawab: “Semestinya dia memerlukan saya.”

Baginda menasihatinya: “Pulanglah kamu ke pangkuan ibu kamu kerana jika kamu berbakti kepadanya, sesungguhnya pahala yang kamu akan terima adalah sama seperti pahala jihad fisabilillah”.

Nabi Musa a.s. ingin benar mengetahui siapakah yang akan menjadi temannya di syurga. Setelah diwahyukan oleh Allah mengenai sifat-sifat lelaki itu, Nabi Musa a.s. terus mencarinya.

Lelaki itu seorang penjual daging dipasar. Setelah menemui lelaki itu, Nabi Musa a.s. menyatakan hasratnya untuk menjadi tetamu lelaki itu beberapa hari. Lelaki itu bersetuju menerimanya.

Sebenarnya, Nabi Musa a.s. mahu melihat apakah amalan yang menyebabkan lelaki itu menjadi temannya di syurga kelak, Nabi Musa a.s. tetap merahsiakan tujuannya.

Setelah Nabi Musa a.s. memasuki rumah lelaki itu, baginda serta merta dihidangkan dengan sup daging. Sewaktu baginda menikmati sup, lelaki itu masuk kebilik dan keluar mendukung seorang wanita yang sangat tua lalu meletakkan diatas tilam. Lelaki itu menyuapkan sup daging kemulut wanita

tua itu hingga kenyang. Selepas makan, lelaki itu menukar pakaian wanita tua tadi yang kotor terkena sup. Dia membasuh pakaian itu di sebuah telaga berhampitan rumahnya.

Agak lama barulah lelaki tadi menemui Nabi Musa a.s.yang sedang memerhatikan perbuatannya. Nabi Musa a.s. bertanya :"Siapakah perempuan tua itu?"

Lelaki itu menjawab dengan suara sayu, "Itulah ibu saya. Dia sekarang ini sudah terlalu tua. Tidak berdaya lagi menguruskan dirinya, sebab itu saya membuat segala-galanya. Maafkan saya kerana tidak melayan saudara makan sebentar tadi."

Nabi Musa a.s. merasa terharu mendengar kata-kata lelaki itu, hatinya berbisik, 'Alangkah besar bakti dan kasih sayang lelaki itu kepada ibunya. Patutlah Allah telah menyediakan baginya syurga di akhirat kelak.'

Kemudian Nabi Musa a.s. menghampiri lelaki itu dan menerangkan tujuan sebenar baginda ingin menjadi tetamu hari ini, "Saya ingin sangat melihat apakah amalan yang menyebabkan Allah SWT menjadikan saudara teman saya di syurga kelak."

Sebaik mendengar penjelasan baginda, lelaki itu terus sujud syukur dan terus berazam akan meningkatkan keimanannya kepada Allah serta berbakti kepada ibunya.

Justeru, kisah-kisah ini dapatlah dijadikan ibrah buat kita. Marilah sama-sama kita muhasabah diri kita sendiri dan menjadikan kisah ini sebagai pengajaran dan panduan bahawa Allah SWT akan memberi pertolongan-Nya apabila kita insaf dan kembali bertaubat kepada-Nya dan sentiasa menjaga kebajikan ibu bapa kita yang sudah tua dan uzur.

BAB 4

TERUS MEMPEROLEH GANJARAN PAHALA

PEMBACA yang diredhai ALLAH SWT sekalian, apabila kita berbakti kepada kedua ibu bapa kita, ALLAH SWT akan memberikan ganjaran pahala yang berterusan kepada kita sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Seperti Bab sebelumnya menyatakan janji ALLAH yang mana ALLAH SWT menyediakan ganjaran syurga bilamana seorang anak terus berbuat kepada ibu bapa kita seperti yang disyariatkan.

BERBAKTI KEPADA IBU BAPA

Dalam memperoleh pahala yang berterusan, kita seharusnya berbakti kepada ibu apa kita kerana ganjaran ALLAH pasti ada kepada sesiapa yang berbakti kepda orang tuanya.

Pembaca yang dirahmati ALAH SWT sekalian, betapa besarnya tanggungjawab berbuat baik kepada ibu bapa sehinggakan Allah ada menyebut di beberapa tempat dalam Al-Quran dengan menggabungkan perintah untuk mengabdikan diri kepada-Nya dan berbakti kepada ibu bapa.

Allah SWT berfirman, “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa juga; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa.”

(Surah al-Nisa, ayat 36)

Firman Allah SWT, “Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israel (dengan berfirman): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa.”

(Surah al-Baqarah, ayat 83)

Firman Allah SWT, “Katakanlah: Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatu pun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa.”

(Surah Al-Ana’am, ayat 151)

Pernah satu ketika Abdullah Ibnu Masu’d bertanya kepada Rasulullah SAW, “Apakah amalan yang paling dicintai Allah SWT? Rasulullah SAW menjawab: Solat di dalam waktunya. Kemudian apa? Rasulullah menjawab: Berbuat baik kepada ibu bapa. Kemudian apa? Rasulullah SAW menjawab: Berjihad di jalan Allah.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Firman Allah SWT lagi dalam Surah Luqman, “Hendaklah kamu bersyukur kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu.”

(Surah Luqman, ayat 14)

Tanda syukur kepada Allah SWT dengan menunaikan solat dan tanda berterima kasih kepada kedua-dua ibu bapa adalah berbuat baik kepada mereka dengan cara mentaati, memastikan keperluan mereka dipenuhi, memberi nafkah, melayan dengan baik, sentiasa merendah diri serta mendoakan kesejahteraan mereka.

Berbakti kepada ibu bapa adalah akhlak yang ada pada semua nabi dan rasul. Ia menggambarkan tidak mungkin orang yang derhaka kepada ibu bapa layak mengajak orang lain membuat kebaikan apatah lagi memimpin manusia.

Firman Allah SWT menceritakan akhlak Nabi Isa: "Sesungguhnya aku ini hamba Allah; Ia telah memberikan kepadaku Kitab (Injil), dan Ia telah menjadikan daku seorang Nabi. Dan Ia menjadikan daku seorang yang berkat di mana saja aku berada, dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup. Serta (diperintahkan daku) taat dan berbuat baik kepada ibuku, dan Ia tidak menjadikan daku seorang yang sombong takbur atau derhaka."

(Surah Maryam, ayat 30-32)

Antara nikmat yang Allah berikan kepada kita adalah dikurniakan ibu bapa. Justeru, berbakti kepada mereka tidak terhenti apabila mereka meninggal dunia, tetapi ia berterusan selepas ketiadaan mereka.

BERBAKTI KETIKA HIDUP, SELEPAS MENINGGAL DUNIA

Berbakti kepada ibu bapa, boleh dipecahkan kepada dua iaitu semasa mereka masih hidup dan selepas mereka dijemput Ilahi. Banyak cara yang boleh kita lakukan.

Malik Bin Rabiah menceritakan, ketika kami bersama Rasulullah SAW, tiba-tiba datang menghadap seorang lelaki dari Bani Salamah, lalu bertanya, "Wahai Rasulullah, adakah saya masih berpeluang berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa saya, adakah saya wajar berbakti kepada mereka selepas kematian mereka? Rasulullah SAW menjawab: Ya, dengan cara mendoakan kedua-duanya, memohon keampunan kepada mereka, menunaikan janji mereka, memuliakan kawan mereka dan membina silaturahim yang tidak boleh dihubung melainkan dengan keduanya."

(Riwayat Abu Daud)

Antara kelebihan disediakan untuk orang yang berbakti kepada ibu bapa ialah doanya mustajab, doa ibu bapanya juga mustajab dan melihat wajah ibu bapanya akan dikira sebagai ibadah. Berbakti kepada ibu bapa dapat menghapuskan dosa dan kesalahan serta keredaan Allah SWT juga berada pada keredaan ibu bapa.

Semasa hidup, kita sebagai anak, dilarang menderhakai ibu bapa kita kerana orang yang derhaka kepada kedua-dua ibu bapa pula akan mendapat laknat daripada Allah SWT, disegerakan hukuman di dunia ini, dipadamkan cahaya keimanan daripada wajahnya, ditolak amalan kebaikan dan penyebab dihumban ke dalam neraka Allah SWT.

Fenomena pada hari ini, kita sendiri dapat menyaksikan di mana-mana sahaja penderhakaan terhadap kedua-dua ibu bapa menjadi biasa dalam masyarakat melalui pelbagai cara. Antaranya yang mungkin tidak kita perasan ialah dengan herdikan, cacian, pemulauan dan sampai ke peringkat membunuh orang tua yang telah banyak berkorban untuk kita.

Dalam soal ini, sudah pasti orang yang memahami isyarat daripada al-Quran mengenai kewajipan berbakti kepada kedua ibu bapa tidak akan melakukan perkara seumpama itu. Insha-ALLAH.

Namun, kita juga harus bermuhasabah sejauh manakah kebaktian dan kebaikan yang sudah dilakukan kepada ibu bapa. Masih terbuka peluang untuk kita tingkatkan kasih sayang dan perhatian kepada ibu bapa, memohon maaf atas segala kelemahan sebagai anak yang alpa terhadap tanggungjawab kita selagi kita masih direzkikan umur.

GANJARAN PAHALA MENGHORMATI IBU BAPA

Para anak-anak soleh da solehah sekalian, tahukah kita bahawa jika kita terus menghormati ibu bapa, doa kita akan lebih mustajab. Ya, betul. Doa kita lebih mustajab kerana kita jauh dari dosa menderhakai ibu bapa.

Selain doa yang mustajab, kita akan memperoleh doa dari ibu bapa dan hidup lebih diberkati. Pahala juga akan dikira bila mana seseorang anak tidak jemu melihat wajah ibu bapa dan ia dikira sebagai ibadah. Berbakti kepada ibu bapa juga dapat menghapuskan dosa dan mendapat keredaan Allah SWT kerana redha ALLAH berada pada keredaan ibu bapa.

Manakala, jika menjadi anak derhaka, maka seseorang akan dilaknat Allah SWT, disegerakan hukuman di dunia, dipadamkan cahaya keimanan daripada wajahnya, ditolak amalan kebaikan dan penyebab dihumban ke dalam neraka.

BAB 5

IBADAH
YANG SEMPURNA

PARA pembaca sekalian, jika kita berbakti kepada ibu bapa, kita akan merasai nikmat dalam beribat sekali gus menyempurnakan ibadah kita. Ibadat akan menjadi lebih sempurna kerana kita tidak perlu memikirkan perkara yang tidak baik seperti menyalahkan nasib keluarga kerana menjadi anak ibu bapa yang mungkin kita tidak suka nasibnya dan sebagainya.

Hidup kita akan menjadi lebih fokus mencari manfaat dan menyelesaikan perkara yang penting sahaja untuk diselesaikan seterusnya membawa kepada ketaatan serta kesyukuran kita kepada ALLAH SWT kerana dalam berbakti kepada ibu bapa, kita dapat merangkul kemenangan mendapat berkat dalam hidup, dipermudahkan urusan, mendapat redha ALLAH SWT, memperoleh ganjaran pahala dan terakhir, membawa kepada ibadah yang lebih sempurna seperti semua inginkan.

Dalam ilmu psikologi, Hierarki Keperluan Maslow menjelaskan seseorang akan berasa hebat bila mana telah mencapai kesemua keperluan asas, keselamatan, kasih sayang, penghargaan kendiri dan paling teratas iaitu keperluan sempurna kendiri. Keperluan sempurna kendiri yang mana memerlukan pengertian dan kemajuan diri yang baru dan lebih manarik, juga dikenali sebagai keperluan rohani kerana ia berkaitan dengan kejiwaan, kepuasan, perasaan dalaman. Namun, dalam Islam, seseorang hamba akan lebih tenang bila mana kita telah memperoleh ibadah yang lebih sempurna.

TEORI HERARKI MASLOW

Keperluan Sempurna Kendiri
Cita-cita

Keperluan Penghargaan
Pujian, Sanjungan

Keperluan Kasih Sayang
Persahabatan, Keluarga

Keperluan Keselamatan
Perlindungan, Pakaian, Tempat tinggal

Keperluan Asas
Makanan, Minuman, Kesihatan, Udara

http://e-pengguna.blogspot.com

Jadi, penting untuk kita terus berbuat baik dan mencapai tahap yang lebih baik dalam ibadah kita seterusnya membawa kita ke penanugerah husnul khotimah semasa pengakhiran hidup.

AMALAN BAIK UNTUK IBU BAPA

Seorang anak yang baik boleh melakukan pelbagai kebaikan lain untuk membantu ibu bapanya yang telah meninggal dunia dengan ikhtiar dan usaha seperti;

#1- Banyakkan Bersedekah

Pelbagai sedekah boleh dilakukan, terutama sedekah jariah seperti derma kepada pembinaa masjid, mewakafkan tanah untuk tapak perkuburan, derma pakaian kepada rumah anak yatim, melakukan waqaf seperti di waqaf telaga di Serantau Muslim dan sebagainya.

Selain sedekah yang fizikal, digalakkan juga untuk sedekah-kan al-Fatihah, surah al-Ikhlas, surah al-Falaq, surah an-nas dan ayat-ayat al-Quran yang lain dan sebaiknya dibaca sendi-ri oleh anak-anak. Selain itu, lakukanlah upah haji untuk mer-eka (niat haji untuk ibu bapa yang telah meninggal dunia).

#2- Selesaikan Hutang-Hutang

Jika semasa hidupnya ibu bapa pernah berhutang, berusa-halah untuk membayar semua hutang itu, seperti hutang den-gan bank, ansuran kereta dan lain-lain pinjaman yang telah dibuat ibu bapa.

Manakala hutang dengan Allah SWT adalah nazar yang per-nah dilakukan oleh arwah, termasuklah fidyah meninggalkan puasa. Selain itu, tunaikanlah wasiat dan janji yang tidak sem-pat dilakukan semasa ibu bapa masih hidup.

#3- Melakukan Amal Soleh

Sebagai anak yang soleh, jauhkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oelh Allh SWT, seperti maksiat dan tidak menutup aurat.

Elakkan bergaduh antara satu sama lain terutama adik-beradik kerana berebutkan harta pusaka, sebaliknya teruskan perbanyakkan amalan soleh dengan berbuat kebaikan dan tuntutan agama. Hal ini kerana segala kebaikan ini akan memberikan saham kepada ibu bapa di alam barzakh sana.

#4- Menjaga Silaturahim Dengan Keluarga dan Sababat Baik Ibu Bapa

Salah satu cara lain untuk berbakti kepada orang tua yang sudah meninggal adalah menjaga silaturahim, menghormati dan membantu keluarga dan para sahabat mereka. Dalam hadis Rasulullah bersabda;

"Sesungguhnya suatu hal yang paling berbakti ialah silaturahim seorang anak kepada kerabat yang mencintai ayahnya" - Hadis Riwayat Muslim. Hal ini kerana menghormati mereka beerti kita menghormati kedua orang tua kita.

#5- Menziarahi Kubur

Anak-anak digalakkan menziarahi kubur mereka sambil berdoa dan membacakan surah Yassin, selain membersihkan kawasan tersebut. Dengan menziarahi kubur, ia akan membuatkan kita sentiasa mengingati kematian yang semestinya akan dilalui oleh setiap makhluk Allah.

Meskipun kedua orang tua kita sudah meninggal, kita seharusnya tetap berbakti kepada mereka dengan cara melakukan cara-cara di atas, sebagai kewajibannya seorang anak yang soleh.

Kita perlu menyayangi ibu bapa semasa mereka masih hidup atau sewaktu mereka telah meninggal dunia. Sesungguhnya sangat besar jasa mereka kepada kita sepanjang kehidupan mereka, dari waktu melahirkan sehinggalah mereka tiada. Allah jua yang membalasnya, Insha-Allah.

MENYINGKAP PENGORBANAN IBU BAPA

Seperti yang dinyatakan sebelumnya, setiap anak wajib memuliakan ibu bapa mereka kerana Allah SWT meletakkan darjat kedua-dua ibu bapa sangat istimewa dalam kehidupan seorang anak. Ibu bapa merupakan insan yang telah menjaga dan membesarkan anak-anak dengan pelbagai karenah tanpa mengeluh penat dan lelah.

Dari seorang ibu yang berkorban menanggung sakit saat melahirkan seorang anak dan jasa seorang ayah yang beker-

ja penat lelah menjaga dan menyara keluarga. Justeru, sebagai seorang anak adakah kita tidak mampu melihat segala jasa mereka, seterusnya menghargai pengorbanan mereka? Sedarlah bahawa anak yang merawat, memuliakan, berbakti dan menjaga ibu bapa akan dipermudahkan urusan di dunia dan di akhirat.

Anak yang memuliakan ibu bapanya akan mendapat ganjaran pahala. Ia bersamaan pahala berjihad dijalan Allah SWT kerana pengorbanan menjaga dan merawat ibu bapa dengan baik juga adalah sangat dituntut di dalam Islam. Memuliakan ibu bapa juga adalah satu ibadah iaitu tidak sempurna amal ibadah seseorang anak jika beliau mengabaikan kebajikan ibu bapa. Dari itu jagalah ibu bapa dan anggaplah itu sebagai ibadah yang menyenangkan kita kerana apabila kita ikhlas, segalanya mudah dilakukan tanpa merasa ia suatu beban.

Selain itu, anak-anak yang memuliakan kedua-dua ibu bapanya juga dianugerahkan nikmat kebahagiaan dalam kehidupan. Merawat ibu bapa akan menjadikan kehidupannya dipermudah oleh Allah SWT dalam segala hal termasuklah dari segi kerja, perjalanan kehidupan, pergaulan sesama manusia dan suasana kehidupan.

Anak-anak juga turut dimurahkan rezekinya dari segi pelbagai cabang sama ada wang, makanan, ketenangan hati dan sebagainya. Ganjaran Allah SWT itu ada bagi hambanya yang baik dan sentiasa besyukur dalam merawat ibu bapa yang membesarkannya sebagai bakti walaupun tidak mampu membalas jasa kedua-dua orang tua yang melahirkan dan membesarkan tanpa penat dan lelah.

Seterusnya, bagi setiap anak yang menjaga ibu bapanya dapat merawat hati yang resah dan dukacita. Sebagai seorang manusia kita tidak lari dari segala permasalahan hidup dan juga menghadapi tekanan hidup kerana beban-beban yang ditanggung dalam kehidupan, apabila seorang anak merawat ibu bapanya dengan redha dan tulus pasti segala permasalahan, keresahan dan tekanan hidup dapat diselesaikan dengan mudah sama ada daripada nasihat orang tua atau difikirkan oleh kita dan dipermudahkan oleh Allah SWT.

Setiap anak yang menjaga ibu bapanya sudah pasti mendapat keredhaan Allah. Keredhaan Allah SWT boleh dimiliki dengan melakukan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Menjaga kedua-dua orang tua kita dengan baik adalah perintah yang dituntut dalam agama. Janganlah kita mengabaikan atau derhaka terhadap kedua-dua orang tua kita kerana itu merupakan laranganNya yang pasti mendapat balasan neraka jika tidak memohon keampunan.

Justeru, setiap anak-anak yang merawat ibu bapanya sudah pasti mendapat balasan syurga kerana anak-anak yang menjaga ibu bapa dengan baik, mereka sudah pasti diberkati oleh Allah SWT dan dijanjikan syurga. Ibu bapa juga mendoakan kebaikkan untuk anak-anaknya supaya ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman iaitu di syurga. Allah SWT mendengar setiap doa hambaNya.

Akhir sekali, berbakti kepada ibu bapa juga bukan sahaja terhad ketika mereka masih hidup malah walaupun sudah meninggal dunia, kita masih boleh berbakti kepada kedua-dua

ibu bapa kita antaranya memohon doa kepada Allah SWT semoga di ampunkan dosa-dosa mereka, menempatkan mereka di dalam syurga dan dijauhkan dari api neraka, bersedekah atau berwakaf atas nama kedua-dua ibu bapa agar pahalanya berkekalan, melangsaikan hutang-hutang kedua ibu bapa dan menjaga silaturahim bersama orang-orang yang mengenali ibu bapa kita.

Di sini sahaja terbukti bahawa Allah SWT sangat memuliakan ibu bapa kerana terdapat pelbagai cara dan ruang untuk anak-anak berbakti kepada ibu bapa mereka, memuliakan ibu bapa adalah satu amalan yang amat dikasihi oleh Allah SWT.

PENUTUP

Kesimpulannya, ibu bapa merupakan anugerah yang istimewa buat setiap insan. Justeru itu, menjadi kewajipan setiap anak untuk menjaga kedua ibubapa mereka dan memberi khidmat yang terbaik. Ini kerana, dosa orang yang menderhakai kedua ibubapa akan dipercepatkan oleh Allah SWT di dunia lagi. Rasulullah SAW pernah bersabda:

كُلُّ الذُّنُوبِ يُؤَخِّرُ اللَّهُ مَا شَاءَ مِنْهَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ إِلَّا عُقُوقَ الْوَالِدَيْنِ
فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُعَجِّلُهُ لِصَاحِبِهِ فِي الْحَيَاةِ قَبْلَ الْمَمَاتِ

Maksudnya: "Setiap dosa akan dilewatkan oleh Allah hukumannya mengikut kehendak-Nya sehingga hari kiamat kecuali derhaka kepada ibubapa. Maka sesungguhnya Allah akan menghukumkan kepada pelakunya semasa hidup sebelum kematian lagi."

[Riwayat al-Hakim (7263)]

Akhirnya, semoga Allah SWT menjadikan kita anak-anak yang soleh dan solehah serta anak-anak yang sentiasa berbakti kepada kedua orang tuanya sama ada semasa hayat mereka atau selepas ketiadaan mereka.

Aamiin.

AKTIVITI SERANTAU MUSLIM

Serantau Muslim melalui WaqafTelaga.com telah membina telaga di kem-kem pelarian dan perkampungan Umat Islam di seluruh dunia.

Setiap telaga yang dibina boleh dimanfaatkan lebih lima buah keluarga.

Proses pembinaan telaga yang turut memberi peluang pendapatan kepada umat Islam di kem-kem pelarian dan perkampungan.

Di setiap telaga akan diletakkan nama-nama pewaqaf.

Para pembaca yang ingin bersama-sama Serantau Muslim dalam membantu Muslim minoriti, terus layari waqaftelaga.com.

Antara kelebihan berwaqaf ialah:

Tanda Pengabdian

Menzahirkan pengabdian diri kepada ALLAH SWT

Mendekatkan diri

Sebagai langkah mendekatkan diri kepada ALLAH SWT

Kebajikan Berkekalan

Mendapat kebajikan yang berkekalan walaupun pewakaf telah meninggal dunia

Syiar Islam

Berkongsi manfaat dikalangan umat Islam dalam menyemarakkan syiar Islam

Ekonomi Ummah

Ianya dapat mengukuhkan perpaduan dan ekonomi ummah

SERANTAU
MUSLIM
SEKILAS TENTANG
SERANTAU
MUSLIM

Serantau Muslim telah berdaftar di Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) dengan nombor pendaftaran PPM-033-10-14072015.

Serantau Muslim merupakan badan bukan kerajaan yang menjalankan kerja-kerja sukarelawan kemanusiaan di luar negara dan dalam negara.

Serantau Muslim telah membantu ramai muslim minoriti yang berdepan dengan krisis kemanuisaan dan telah teraniaya seperti etnik Rohingya di Mnyanmar, Bangladesh, pelarian Syria dan Palestin. Pelbagai usaha lain juga telah dilakukan Serantau Muslim.

Antara usaha yang telah dilakukan ialah membina telaga air untuk umat Islam minoriti di Myanmar, Vietnam, Kemboja, Indonesia dan Nepal, memberi bantuan kecemasan kepada negara Asia yang terlibat dengan bencana alam seperti di Palu, Indonesia dan sebagainya.

Serantau Muslim juga mengenalkan beberapa platform untuk orang ramai bersama-sama Serantau Muslim. Antaranya:

1. Tajaberbuka.com

2. Qurbanmudah.com

3. Fidyahmudah.com

4. Kembarakebajikan.com

5. Kurmasedap.com

6. Berisedekah.com

7. Bantuankecemasan.com

8. Heromalaysia.com

9. Waqaftelaga.com

Ke semua platform yang disediakan ini adalah untuk mengajak orang ramai bersama-sama menjadi khairun-nas atau sebaik-baik manusia dan sentiasa berada dalam rahmat Allah SWT. InshaAllah.

Untuk rekod juga, laman sesawang yang dibangunkan Serantau Muslim ini telah mendapat kunjungan puluhan ribu pengguna sejak mula diasaskan.

Anda boleh turut bersama kami dalam membela nasib muslim minoriti di seluruh dunia dengan memberikan sumbangan melalui akaun berikut:

MAYBANK
SERANTAU MUSLIM
5641-0042-1083

RINGKASAN PROJEK SERANTAU MUSLIM

QURBANMUDAH.COM

Qurbanmudah.com adalah satu program ibadah qurban yang dilaksanakan setiap tahun di negara umat Islam minoriti. Penerima daging qurban ialah mereka yang terdiri daripada golongan fakir miskin dan pelarian.

Qurbanmudah.com is a yearly program to conduct Qurban in Muslim minorlty countrles. The beneficiary of this program is the poor citizens and refugees.

TAJABERBUKA.COM

Tajaberbuka.com adalah program bantuan pek makanan untuk berbuka puasa semasa Ramadhan yang dilaksanakan di perkampungan fakir miskin di negara Muslim minoriti Asian.

Tajaberbuka.com is a program to distribute food pack aid for iftar during Ramadhan. The program is held on the remote area in Muslim minority countries in ASEAN.

WAQAF TELAGA

Wakaf Telaga adalah inisiatif untuk membekalkan air bersih melalui pembinaan telaga air di lokasi dimana bekalan air terhad dan terdesak. Kebanyakan telaga dibina di kem pelarian dan juga di perkampungan orang miskin di negara Asian.

Wakaf Telaga is an initiative to provide clean water by building tube well pump in the location where clean water is hard to find. The tube well mostly is built on the refugee camp and also in the rural area or poor village in ASEAN country.

KEMBARA KEBAJIKAN

Kembara Kebajikan adalah inisiatif untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk merasai sendiri pengalaman membantu golongan asnaf yang berada di negara Muslim minoriti.

Kembara Kebajikan is an initiative to give opportunity to everyone to feel the experience helping the asnaf which in the Muslim minority countries.

WAQAF.MY

Waqaf.my adalah sebuah portal yang diwujudkan untuk memudahkan orang ramai berwaqaf secara berterusan melalui potongan bulanan. Wang waqaf digunakan untuk membina masjid, sekolah, rumah dan program-program kebajikan.

Waqaf.my is an online portal that exists to ease people on performing waqf by monthly contribution. The money is being used to build mosque, school, house and welfare program.

SAHABAT SM

SAHABAT SM adalah satu system kad keahlian yang berstruktur untuk memberikan peluang kepada para penyumbang agar dapat berbuat baik berterusan. SAHABAT SM juga merupakan sistem yang membuat potongan terus ke akaun secara bulanan. Sumbangan SAHABAT SM akan diinfaqkan kepada golongan yang memerlukan seperti fakir miskin, mangsa bencana dan keganasan peperangan dari segi bantuan makanan, pakaian, barangan dapur dan sumbangan umum.

SAHABAT SM is a membership card for anyone to become one of the consistent donators for Serantau Muslim. SAHABAT SM also an efficient system that deduct the contribution monthly directly from donators account. All the donations through SAHABAT SM will be distributed fairiy to the needy one especially the poor and refugees by giving them foods, clothes, kitchen ingredients as well as general contribution.

KEMBARA PRIHATIN

Kembara Prihatin adalah program secara mingguan yang dijalankan pada hari Jumaat untuk menyantuni golongan yang kurang berkemampuan melalui bantuan makanan dan kelengkapan dapur.

Kembara Prihatin is weekiy program heid on Friday to heip the needy peopie by distributing food pack to them.

BANTUANKECEMASAN.COM

BANTUANKECEMASAN.COM adalah inisiatif untuk memberikan bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa bencana alam atau situasi kecemasan.

BANTUANKECEMASAN.COM is an initiative to give an emergency reiief to the victim of naturai disaster or emergency situation.

EDUCATION / PENDIDIKAN

Serantau Muslim percaya untuk mengubah nasib umat Islam minoriti yang serba dalam kedaifan adalah melalui pendidikan khususnya kepada kanak-kanak dan remaja. Program Pendidikan termasuklah dengan menyediakan kelengkapan sekolah, membayar gaji guru, membangunkan silibus pendidikan, mengadakan tuisyen percuma, menaja van serta mengusahakan biasiswa untuk pelajar pintar dari keluarga miskin ke peringkat universiti.

Serantau Muslim believes to change the fate of the Muslim minority is through education especially for the children and teenagers. Education programs include providing school equipment, teachers salary, developing education syllabus, free tuition, sponsoring van and awarding scholarships for smart student from poor families to tertiary level.

HEALTH / KESIHATAN

Kos kesihatan yang tinggi membebankan umat Muslim minoriti yang rata-rata hidup dalam kemiskinan. Serantau Muslim hadir dengan program rawatan kesihatan percuma dengan tagline 'mencegah lebih baik dari mengubati". Serantau Muslim turut membina hospital, menaja ambulans, membekalkan ubat-ubatan untuk pelarian, mengadakan program berkhatan percuma, pemeriksaan dialisis dan tajaan kerusi roda buat asnaf.

High costs of health are a burden to the Muslim minority who live in poverty. Serantau Muslim with a free health care program with a tagline "preventing is better than cure". Serantau Muslim also has built hospitals sponsored ambulances, supplied medicine for refugees, organized free circumcision program, dialysis checks and sponsored wheel chairs for asnaf.

DA'WAH / DAKWAH

Bantuan Allah akan tiba bila ummah benar-benar berpegang kepada Islam. Maka program kesedaran dan dakwah dilaksanakan khusus kepada penerima bantuan. Selain aktiviti ceramah di masjid, Serantau Muslim turut turun berdakwah di pedalaman. Serantau Muslim turut aktif turun ke masjid untuk program cuci masjid di seluruh negara.

Helping arises upon the ummah who preach the real Islamic teaching. Therefore, awareness and da'wah programs are carried out specifically for beneficiaries. Besides lectures at the mosque, Serantau Muslim also went to the inland area. Serantau Muslim is also active the mosque cleaning programs all over the country.

ECONOMY / EKONOMI

Umat Islam berjumlah billion seluruh dunia. Serantau Muslim membantu usahawan dari penduduk Muslim minoriti untuk memasarkan produk mereka melalui jaringan ekonomi. Serantau Muslim membantu para petani dan peladang untuk mengembangkan hasil tanian mereka melalui smart network. Serantau Muslim turut memberikan bantuan modal serta membuka perniagaan agar bantuan yang disampaikan bukan sekadar ikan, sebaliknya joran yang boleh mengenyangkan penerima bantuan selama-lamanya.

There are billions of Muslims around the world. Serantau Muslim aids entrepreneurs from Muslim minorlty populations to market their products through economic network. Farmers will be assisted to expand their crops through smart network. Serantau Muslim also provide capital and opened the business which "given not only a fish, but also a fishing rod which could support beneficial for long"

INFRASTRUCTURE / INFRASTRUKTUR

Serantau Muslim membantu membina rumah bagi pelarian, masjid yang runtuh akibat gempa dan sekolah untuk Muslim minoriti melalui inisiatif waqaf.my.

Serantau Muslim helps to build homes for refugees, collapsed mosques due to earthqualke and schools for minorlty Muslim through the waqaf.my initiative.

ADVOCACY / ADVOKASI

Serantau Muslim aktif membawa suara umat Islam minoriti ke persada dunia melalui aktiviti seperti memorandum, kunjungan hormat kepada tokoh, kenyataan media, penulisan buku, simposium, pelancaran kempen fllotilla dan banyak lagi.

Serantau Muslim actively brings the voices of minority Muslim to the world through activities such as memorandum, courtesy call, media statement, book writing, symposium, launch of flotilla campaign and more.

DISASTER RELIEF / BANTUAN BENCANA

Setiap kali bencana alam menimpa, Serantau Muslim akan tampil paling awal ke tempat bencana seperti di Myanmar, Bangladesh, Lombok, Palu, Selat Sunda. Serantau Muslim juga mengembangkan sayap bantuan ke Syria and Palestin.

Whenever natural disaster strikes, Serantau Muslim will give a hand at the affected areas such as Myanmar, Bangladesh, Lombok, Palu, Selat Sunda. Serantau Muslim has also expanded its assistance to Syria and Palestine.

ORPHAN / ANAK YATIM

Serantau Muslim membuka peluang kepada orang ramai menaja anak-anak yatim pelarian secara tahunan agar anak-anak yatim ini mampu meneruskan kehidupan.

Serantau Muslim opens the opportunities for public to sponsor orphaned or unaccompanied children who are living as refugees annually to survive.

FOOD / MAKANAN

Serantau Muslim mengadakan banyak projek bantuan untuk membekalkan makanan kepada para asnaf melalui projek Tajaberbuka.com, Qurbanmudah, Fidyah. Bahkan pada setiap minggu, Serantau Muslim akan memberi makan kepada asnaf melalui Program Kembara Prihatin. Serantau Muslim turut memperkenalkan foodbank untuk para gelandangan mendapatkan makanan serta aktif dalam mempromosikan halal hub di negara Muslim minoriti.

Serantau Muslim outreaches a number of relief projects to supply to the asnaf through Tajaberbuka.com, Qurbanmudah, Fidyah projects. On a weekly basis, Serantau Muslim will supply food to asnaf through Kembara Prihatin Program. Serantau Muslim also introduced foodbank for homeless people and actively promotes halal hub in Muslim minority countries.

CLEAN WATER SUPPLY / MEMBEKALKAN AIR BERSIH

Serantau Muslim telah mengekalkan ribuan telaga air untuk kegunaaan kepad pelarian di negara Muslim minoriti melalui skim Wakaf Telaga.

Serantau Muslim has supplied thousands of water wells for the use of refugees in Muslim minority countries through water wells scheme.

LEADERSHIP / KEPIMPINAN

Serantau Muslim percaya umat Islam memerlukan pemimpin yang hebat di persada dunia. Maka, Serantau Muslim aktif mengadakan ceramah motivasi di sekolah dan universiti, pembentangan kertas kerja di simposium dan kolokium, mengadakan leadership summit di peringkat antarabangsa. Serantau Muslim juga aktif merekrut sukarelawan yang jumlah sudah mencecah ribuan orang. Selain itu, Serantau Muslim menawarkan kelas kepimpinan secara online yang menggerakan himpunan ketua-ketua NGO di peringkat ASEAN dengan menubuhkan AMSEC, Asian Muslim Secretariat.

Serantau Muslim believes that Muslims need a great leader in the world. Thus, Serantau Muslim actively gives motivational talks a schools and universities, presents papers at the sysmposim and colloquium and organize an international leadership summit. Serantau Muslim is also recruiting volunteers whose numbers have reached thousands of participants. Serantau Muslim also offers leadership classes online to youth that instill the values of management and leadership. Serantau Muslim also has representatives from NGO leaders at ASEAN level through AMSEC, the Asian Muslim Secretarlat.

RUJUKAN

Al-Quran

Akhbar Sinar Harian

Laman Rasmi Mufti Wilayah Persektuan

TERIMA KASIH